

# Sikap masyarakat punca 'lepak'

KOTA BHARU, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata budaya lepak menjangkiti lebih banyak pelajar Melayu beryunca daripada sikap masyarakat yang bertindak membela kesalahan pelajar berkenaan.

Menurutnya, jika ada pelajar terbabit dengan budaya lepak, masyarakat akan membela dengan mengatakan pelajar itu berbuat demikian kerana dibebankan dengan pelajaran yang terlalu banyak di sekolah.

"Kesan yembelaan itu, pelajar berkenaan juga akan menjadi lebih mudah dan boleh menyalahkan orang lain, sekiranya mereka berbuat silap.

"Kalau masyarakat berpendapat bahawa sebabnya ada budaya lepak kerana kita terlalu menekan penuntut suruh dia belajar terlalu banyak, saya percaya penuntut lebih

berminat dengan budaya itu kerana boleh menyalahkan orang lain," katanya.

Alasan demikian tidak sepatutnya diberikan kerana pelajar berkenaan perlu diberikan bebanan yang berat untuk membolehkan mereka menimba lebih banyak ilmu.

"Kalau kita terima bahawa masalahnya ialah kita terlalu membebankan pelajar, bermakna kita terlalu bersimpati dengan benda yang kita tak patut bersimpati," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di Rumah Seri Kelantan, Telipot, malam tadi.

Hadir sama dalam mesyuarat seiam setengah itu ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Senator Datuk Annuar Musa dan ahli jawatankuasa badan perhubungan itu.